

Analisis Eufemisme Kematian Masyarakat Melayu Sarawak dari Perspektif Semantik Kognitif

Hamidah Abdul Wahab
awhamidah@cls.unimas.my
Universiti Malaysia Sarawak

Imran Ho Abdullah
imranho@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohammed Azlan Mis
whg5026@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Khazriyati Salehuddin
khazudin@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini meneliti proses-proses kognitif yang mendasari eufemisme kematian dalam masyarakat Melayu Sarawak (MMS). Eufemisme kematian yang digunakan oleh penutur merupakan bentuk penggunaan bahasa yang lebih halus dan sopan bagi menggantikan bahasa yang dianggap kasar atau tabu, dan tidak sesuai dituturkan secara langsung dalam komunikasi. Dalam pengungkapan eufemisme mengenai kematian, penutur berupaya mempamerkan sisi santun mereka di samping menunjukkan timbang rasa serta keprihatinan untuk tidak melukai hati dan perasaan pendengar. Kajian dari perspektif semantik kognitif ini menggunakan kerangka teori Metafora Konsepsi saranan Lakoff dan Johnson (1980). Beberapa mekanisme kognitif dimanfaatkan dalam analisis data seperti skema imej dan metafora konsepsi. Data eufemisme kematian MMS dikumpul menerusi kajian lapangan melibatkan kaedah temu bual, rakaman dan catatan. Informan yang terlibat dalam kajian ini ialah penutur Melayu di kawasan Kuching, Sarawak. Hasil analisis data mendapati bahawa pengkonsepsian eufemisme kematian MMS, khususnya untuk memperkatakan mengenai kematian didasari oleh skema imej *Sumber-Laluan-Matlamat*, di samping metafora konsepsi KEMATIAN ITU LOKASI YANG LEBIH BAIK, KEHIDUPAN ITU PERJALANAN dan KEMATIAN ITU PERLEPASAN [KEMATIAN ITU PERJALANAN]. Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa budaya Melayu dan agama Islam banyak mempengaruhi pengkonsepsian eufemisme kematian dalam MMS. Pengaruh ini dapat dilihat menerusi penggunaan kata-kata halus yang bertujuan untuk berbudi bahasa, sejajar dengan budaya Melayu yang mementingkan kesantunan dalam komunikasi. Hakikat kematian umat Islam yang akan kembali kepada Allah s.w.t. juga digambarkan dalam eufemisme yang dikaji. Sebagai sebuah kajian linguistik, kajian ini diharap dapat menjadi rujukan kepada pembaca dan penyelidik mengenai eufemisme MMS, khususnya dalam bidang semantik kognitif.

Kata kunci: eufemisme; kematian; skema imej; metafora konsepsi; Melayu Sarawak

An Analysis of Death Euphemisms in Sarawak Malay Community from the Perspective of Cognitive Semantics

ABSTRACT

This paper investigates the cognitive processes underlying death euphemisms used by the Sarawak Malay community. These euphemisms are polite forms of language used to replace those that are considered harsh or taboo, and inappropriate for direct speech. Through the use of death-related euphemisms, speakers are able to demonstrate politeness, thoughtfulness and awareness of others' feelings. This study, which adopts the perspective of cognitive semantics, uses the Conceptual Metaphor theoretical framework proposed by Lakoff and Johnson (1980). Several cognitive mechanisms were used to analyse the data such as image schema and conceptual metaphor. The data was collected through interviews, recordings and observations involving informants who were Malay speakers from Kuching, Sarawak. The analysis reveals that the conceptualisation of death euphemisms in Sarawak Malay speakers is based on the source-path-goal image schema, in addition to the conceptual metaphor DEATH IS A BETTER LOCATION, LIFE IS A JOURNEY, and DEATH IS A DEPARTURE [DEATH IS A JOURNEY]. In general, this study shows that the Malay culture and Islam have largely influenced the conceptualisation of death euphemisms in the Sarawak Malay community. This influence is observable through the use of soft expressions to show courtesy, in keeping with the Malay culture, which emphasizes politeness in communication. The reality of death for Muslims who will return to their Creator, Allah s.w.t., is also depicted in the euphemisms investigated. This linguistic study may serve as a reference for readers and researchers on the topic of Sarawak Malay euphemism, particularly in the field of cognitive semantics.

Keywords: euphemism; death; image schema; conceptual metaphor; Sarawak Malay

PENGENALAN

Eufemisme ialah satu bentuk kiasan yang menggambarkan sesuatu rujukan dengan cara memberi kesan yang baik, terutamanya apabila item yang dirujuk itu mempunyai konotasi yang buruk, kasar, dan sebagainya. Malah, penggunaan eufemisme bukan sahaja terhad untuk melembutkan kata-kata yang agak kasar; sebaliknya eufemisme digunakan sebagai satu strategi berbahasa sopan untuk tidak menyinggung hati dan perasaan orang lain (Asmah, 2008). Allan dan Burrige (1991) pula menyatakan bahawa, "a euphemism is used as an alternative to a dispreferred expression, in order to avoid possible loss of face: either one's own face, through giving offense, that of the audience, or of some third party" (hlm. 11). Dengan tujuan menjaga perasaan dan air muka pihak yang dilawan bercakap dan pihak yang dicakapkan, eufemisme memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana saling menghormati antara penutur, di samping memaparkan kesopanan dan kehemahan pihak yang bercakap.

Penggunaan eufemisme pada asasnya wujud dalam kebanyakan budaya dan bahasa masyarakat dunia, melibatkan pelbagai topik seperti kewanitaan, tubuh badan, seks, penyakit, dan kematian. Penutur bahasa Melayu juga tidak terkecuali menggunakan eufemisme. Eufemisme *meninggal dunia* misalnya digunakan bagi merujuk kepada 'mati'. Asasnya, *meninggal dunia* mengandungi unsur metafora kerana wujud kiasan langsung terhadap perkara yang diperkatakan, iaitu *mati*. Dalam hal ini, manusia dikatakan *meninggal dunia* apabila dia mati (*mati* bukan metafora). Pangkal metafora bagi ujaran ini merupakan benda alam tabii, iaitu 'dunia' (Asmah, 2008, hlm. 159-160). *Meninggal dunia* tergolong dalam

bentuk eufemisme kerana unsur metafora yang dimilikinya dapat menyembunyikan nilai negatif yang dibawa oleh maksud sebenar ungkapan tersebut. Ungkapan ini sebenarnya sudahpun menunjukkan kesantunan, namun kata-kata ini biasanya diperhaluskan lagi menerusi ungkapan-ungkapan seperti, *pergi ke alam baqa, kembali ke rahmatullah, menyahut seruan Ilahi, menghembuskan nafas terakhir, hilang hayat, hilang jiwa, dan berkalang tanah* (Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu 2008).

Bagi masyarakat Melayu Sarawak (MMS) pula, informan menjelaskan bahawa penggunaan perkataan *mati* biasanya dianggap kasar, dan tidak santun. Secara umumnya, perkataan *mati*, jika digunakan, biasanya hanya untuk merujuk benda bernyawa yang bukan dari kalangan manusia, iaitu haiwan atau tumbuhan. Walaupun ada kalanya perkataan *mati* turut digunakan untuk manusia, namun perkataan ini membawa konotasi yang tidak baik. Kata-kata seperti *mampus*, dan *kojol* yang sinonim dengan *mati* juga wujud dalam kosa kata Melayu: namun penggunaannya dianggap kasar dan hanya dihadkan kepada situasi tertentu, yang lazimnya disebabkan oleh perasaan marah, benci dan lain-lain. Terdapat juga ungkapan-ungkapan lain yang berkaitan dengan hal kematian; ungkapan-ungkapan ini lazimnya dinyatakan dengan cara yang halus, seperti *jenazah, kebumi*, atau *disemadikan*, dan bukannya menerusi kata-kata seperti *mayat, tanam, kambus* dan *timbus*.

Keadaan ini menunjukkan bahawa konsep-konsep yang terlalu langsung atau berpotensi menyinggung perasaan pendengar biasanya disembunyikan menerusi eufemisme. Secara sedar, penutur mengerti bahawa dia harus “berlapik” apabila bercakap mengenai sesuatu yang bersifat sensitif, agar ucapan itu tidak menimbulkan rasa kurang senang terhadap pendengar. Lazimnya, penutur bijak menyaring pengalaman formal mahupun tidak formal dalam mindanya, mencerap dan memilih bahasa yang dapat melembutkan suasana, serta akhirnya menggunakan bahasa halus bagi menzahirkan pendapatnya. Dalam hal bahasa halus dan tidak berterus terang ini, Teo (1995) menyatakan bahawa eufemisme ialah penggunaan perkataan atau ungkapan yang lebih sedap didengar, lebih lembut, tidak berterus terang sifatnya (*indirect*), dan seumpamanya untuk menggantikan sesuatu yang difikirkan kesat atau menjelikkan. Senario ini menonjolkan keunikan eufemisme sebagai satu fenomena bahasa santun dan menimbulkan ruang yang menarik untuk dikaji kerana eufemisme juga sarat dengan elemen metafora.

Secara tradisionalnya, metafora dilihat sebagai bentuk utama dalam penggunaan bahasa figuratif dan banyak ditemui dalam lingkungan sastera dan bahasa *poetic* (Saeed, 1997). Namun, menurut Asmah (2008), metafora tidak terbatas kepada bahasa sastera; malah ia digunakan sepanjang masa dalam bahasa sehari-hari tanpa disedari. Pengguna bahasa juga mencipta metafora sendiri tanpa menyedari bahawa kata-kata yang digunakan itu merupakan metafora. Contohnya, sesetengah penutur memilih untuk menggunakan ungkapan *pembantu rumah* bagi menggantikan kata *orang gaji* kerana menganggap ia lebih baik dan halus didengar. Kini, seiring dengan kecenderungan majikan menggaji pembantu rumah dari Indonesia, kata *bibik* pula sering digunakan untuk merujuk golongan yang melakukan pekerjaan tersebut. Kata *bibik (bibi)* ini sebenarnya merujuk kepada (i) adik (saudara muda) ayah/ibu; (ii) perempuan yang agak tua; (iii) sebutan bagi wanita (setingkat dengan nyonya); (iv) panggilan kepada perempuan pembantu rumah tangga (*Kamus Bahasa Indonesia Online*). Ternyata bahawa penggunaan bahasa ini bergantung kepada kesesuaian masa dan persepsi masyarakat penutur berkenaan terhadap apa-apa yang difikirkan sesuai, baik dan halus itu.

Penelitian eufemisme dari sudut semantik kognitif menggunakan teori metafora konsepsi saranan Lakoff dan Johnson (1980) misalnya akan membantu menjelaskan proses kognitif yang terlibat dalam pengkonsepsian eufemisme. Hal ini sejajar dengan kenyataan Siläski (2011, hlm. 2) bahawa “*conceptual metaphor allows us to systematically map the structure of the source domain (euphemism expressions) onto the structure of the target*

domain (taboo expression)”. Kajian ini memfokuskan eufemisme kematian yang wujud dalam MMS dari perspektif semantik kognitif. Menerusi kerangka semantik kognitif, data eufemisme akan dijelaskan pengkonsepsiannya berdasarkan mekanisme kognitif seperti skema imej dan metafora konsepsi. Topik ini dipilih kerana kematian merupakan satu fenomena universal yang dilalui oleh semua entiti yang bernyawa. MMS umumnya mempunyai banyak persamaan dengan masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia, khususnya dari segi amalan budayanya. Namun demikian, MMS turut menuturkan dialeknya tersendiri, yang sedikit sebanyak agak berbeza dengan masyarakat Melayu amnya. Kajian ini mengambil dialek Melayu Sarawak sebagai data kajian disebabkan bahasa ini merupakan salah satu medium perantaraan utama di Sarawak, selain bahasa Iban, bahasa Cina, dan bahasa Melanau (Mohammed Azlan, 2010). Sesuai dengan peranan dialek ini dalam masyarakat, dialek ini dilihat mempunyai kepentingan ilmiah untuk diteliti dengan lebih mendalam, misalnya dari sudut eufemisme. Hal ini adalah kerana dialek Melayu Sarawak turut mengandungi eufemisme yang digunakan untuk memperkatakan tentang hal-hal yang bersifat tabu, yakni perkara yang dilarang disebut secara langsung dalam komunikasi. Larangan ini disebabkan oleh kesan pengungkapan bahasa yang secara langsung tersebut kadangkala dianggap kasar, menyinggung perasaan pendengar atau menimbulkan rasa kurang senang tentang sesuatu perkara, seperti kematian.

Penelitian bahasa melibatkan masyarakat ini dilihat amat signifikan kerana kajian seumpama ini dapat memperjelaskan aspek eufemisme kematian MMS yang sebelum ini agak terhad kepada penyenaian eufemisme sahaja. Penonjolan data baharu juga ditawarkan dalam kajian ini, dan ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman khalayak terhadap eufemisme dengan lebih mendalam. Penelitian eufemisme berlandaskan teori semantik kognitif turut membantu memperincikan bentuk penggunaan bahasa ini dari sudut pemikiran masyarakat, yang dilatari dan dipengaruhi oleh budaya mereka tersendiri. Selain itu, analisis data bahasa secara linguistik dan pendokumentasian hasilnya akan turut menyumbang kepada perkembangan ilmu linguistik dan pengayaan kosa ilmu yang melibatkan bahasa Melayu amnya dan dialek Melayu Sarawak khususnya.

SOROTAN LITERATUR

Penelitian kajian eufemisme masyarakat Melayu antaranya memperlihatkan kecenderungan kepada kajian dari sudut sosiobudaya. Kajian seperti ini menghuraikan eufemisme berdasarkan cara hidup dan adat istiadat, kepercayaan dan agama. Kajian Saidatul Nornis (2007) misalnya mengetengahkan contoh eufemisme masyarakat Melayu yang berhubung dengan budaya serta kesesuaiannya berdasarkan konteks semasa. Menerusi kajian tersebut, bentuk eufemisme dinyatakan berpotensi untuk berubah akibat pengaruh dalaman serta luaran bahasa itu sendiri. Abang Yusuf Puteh (2005) dan Maimunah (1999) pula membincangkan eufemisme berserta kata larangan atau kata tabu yang digunakan dalam MMS. Menerusi kajian ini, penggunaan eufemisme dikaitkan dengan tujuan kesopanan. Dalam kajian Teo (1995), perbandingan komunikasi antara penutur Melayu dengan penutur Cina dilakukan untuk menunjukkan bahawa perbezaan budaya bangsa telah membentuk perbezaan cara manusia berfikir, justeru mendorong kepada perbezaan kata atau ungkapan yang diujarkan oleh kaum-kaum tersebut. Menerusi contoh kata tabu dan eufemisme yang dibincangkan, konsep yang wujud dalam pemikiran masyarakat ditegaskan sebagai elemen utama dalam pengungkapan bahasa, berbanding bahasa itu sendiri. Dalam hal ini, sesuatu ujaran dinyatakan sangat bergantung rapat dengan konsep yang wujud dalam pemikiran penutur.

Penelitian eufemisme turut mendapat perhatian yang besar daripada pengkaji luar negara, meliputi pelbagai topik dan pendekatan. Allan dan Burridge (1991) misalnya mengkaji eufemisme dan disfemisme (bahasa kasar) dari konteks penggunaan dan

pengkategorianya. Kajian ini agak meluas cakupannya, merangkumi anggota badan dan fungsinya, seks, nafsu, kemarahan, kebencian, penyakit, kematian, ketakutan, dan kata-kata merujuk tuhan. Eufemisme dan disfemisme juga diklasifikasi berdasarkan ciri formal dan fungsinya, di samping analisis faktor dan sejarah penggunaannya. Merujuk kepada eufemisme kematian, ditemui empat konsep utama, iaitu *death as loss*, *worries about the soul*, *death as journey*, dan *death as beginning a new life*.

Dari sudut semantik kognitif, kajian Rabab'ah dan Al-Qarni (2012) memfokus kepada perbandingan eufemisme antara bahasa Arab dengan bahasa Inggeris. Pengkaji meneliti aspek persamaan dan perbezaan yang wujud dalam kalangan penutur bahasa berlainan jantina dan darjah keformalan, khususnya melibatkan eufemisme berkaitan kematian, pembohongan dan fungsi anggota badan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun kebanyakan penutur lelaki dan perempuan menggunakan strategi eufemisme yang sama, namun penutur perempuan dilihat menggunakan lebih banyak eufemisme dalam berkomunikasi. Tsang (2009) pula membincangkan hubungan antara metafora berkaitan seks dengan budaya Cina, dan cara metafora ini mempengaruhi kepercayaan dan sikap pembaca. Bersandarkan 17 buah artikel akhbar berkaitan seks yang diteliti, didapati bahawa seks lazimnya dirujuk sebagai *peperangan* dan *makan*, iaitu menerusi metafora konsepsi SEX IS WAR dan SEX IS EATING. Metafora konsepsi tersebut ditemui secara ketara dalam bahasa Cina Kantonis, yang mungkin disebabkan oleh kepentingannya dalam budaya tradisi masyarakat tersebut.

Memfokus kepada kajian eufemisme kematian, Lakoff (1992) yang meneliti puisi bahasa Inggeris tentang kematian mendapati bahawa 'kematian' dapat dipersonifikasikan sebagai *drivers*, *coachmen*, *footmen*, *reapers*, *devourers*, dan lain-lain. Dapatan ini menunjukkan wujudnya satu corak sepunya dalam menggambarkan satu-satu keadaan; misalnya *event* (peristiwa) seperti kematian difahami sebagai hasil tindakan oleh sesuatu *agent* (agen), yang menyamai perbuatan *reaping* (menuai tanaman). Dalam hal ini, agen tersebut telah dipersonifikasikan, yakni mengambil sifat perbuatan manusia. Justeru, metafora konsepsi seperti EVENTS ARE ACTIONS dapat merujuk metafora berkenaan kematian. Terdapat juga metafora konsepsi DEATH IS DEPARTURE, iaitu *departure* (perlepasan) merujuk sebagai *event* (peristiwa).

Kajian oleh Nyakoe, Matu dan Ongarora (2012) pula memfokus kepada dua metafora konsepsi, iaitu DEATH IS A JOURNEY dan DEATH IS A REST dalam eufemisme EkeGusii, iaitu bahasa yang dituturkan di Kenya. Kajian berdasarkan soal selidik ini menggunakan teori metafora konsepsi saranan Lakoff dan Johnson (1980) dan hipotesis oleh Jakel (2002). Menerusi kajian ini, metafora konsepsi difahami sebagai pemetaan daripada domain sumber (*journey* dan *rest*) kepada domain sasaran (*death*). Dalam metafora konsepsi DEATH IS A JOURNEY, eufemisme seperti *to finish the journey*, *migrate*, *to be called/summoned by God*, *to sail/swing*, dan *he has left* didapati memetakan 'perjalanan' untuk membicarakan mengenai 'kematian'. Metafora konsepsi ini berkait rapat dengan konotasi agama. Eufemisme yang diujarkan juga menunjukkan budaya masyarakat yang seolah-olah menafikan hakikat sesuatu kematian, iaitu menerusi andaian bahawa si mati sedang melalui sebuah perjalanan, berehat atau tidur.

Kajian Silaski (2011) pula membandingkan data eufemisme bahasa Serbia dengan bahasa Inggeris untuk meneliti persamaan dan perbezaan yang wujud dalam pengkonsepsian eufemisme. Daripada analisis, empat metafora konsepsi utama ditemui bagi merujuk kematian, iaitu DEATH IS A LOSS, DEATH IS A JOURNEY [DEATH IS DEPARTURE], DEATH IS THE END, dan DEATH IS SLEEP. Kedua-dua bahasa juga didapati berkongsi pemetaan konsepsi metafora KEMATIAN yang berkait rapat dengan pengalaman badan dan fizikal manusia, yang pada asasnya bersifat sejagat.

Fernandez (2006) turut meneliti eufemisme kematian, iaitu ucapan takziah kematian masyarakat Ireland pada awal zaman Victoria. Pengkaji menekankan bahawa set konsepsi

berhubung kait daripada domain sumber (entiti alam fizikal atau sesuatu yang konkrit) kepada domain sasaran (tabu kematian). Menerusi metafora konsepsi TO DIE IS TO SLEEP, projeksi yang berlaku melibatkan domain sumber (*sleep*) kepada domain sasaran (*die*), yang memetakan persepsi manusia tentang *tidur* kepada persepsi tentang *kematian*. Metonimi juga telah berfungsi dalam melonggarkan makna tabu kematian, contohnya menerusi metonimi konsepsi THE SENTIMENTAL EFFECTS OF DEATH STAND FOR DEATH, melibatkan eufemisme *dissolution*, *void* dan *separation*. Metafora yang dikaji turut mencerminkan kematian sebagai peristiwa positif, yakni sebagai ganjaran di dalam syurga selepas melalui kehidupan di dunia. Ungkapan yang dilihat berkonotasi positif ialah *a joyful life*, *a journey*, *a rest*, dan *a reward*, manakala dapatan yang menunjukkan konotasi negatif ialah *a loss* dan *the end*.

Kajian-kajian yang telah diketengahkan menunjukkan kecenderungan para pengkaji dalam membincangkan eufemisme dari pelbagai sudut dan pendekatan. Penelitian eufemisme dari perspektif semantik kognitif ternyata ketara dalam kalangan pengkaji luar negara berbanding sarjana tempatan. Senario ini membuka ruang untuk pengkajian eufemisme kematian yang digunakan dalam kalangan penutur Melayu Sarawak. Berdasarkan ujaran eufemisme yang dikaji, pengkonsepsian dan gambaran minda penutur berdasarkan pengamatan dan pengalaman dalam budaya Melayu serta pegangan agama Islam dapat ditonjolkan.

METODOLOGI

Data eufemisme Melayu Sarawak yang dimanfaatkan dalam penulisan ini dikumpul daripada kajian lapangan, menerusi kaedah temu bual, rakaman dan catatan. Temu bual dijalankan secara berkumpulan berpandukan soalan-soalan yang telah dirangka berdasarkan domain kematian. Istilah 'domain' yang dimaksudkan di sini merujuk kepada bidang perbendaharaan kata yang menunjukkan sesuatu perkataan itu boleh dirangkumkan ke dalam satu kumpulan besar yang dianggotai oleh kata-kata yang lain; misalnya domain anggota tubuh badan, makanan, adat resam, dan lain-lain (Asmah, 2001). Merujuk konsep domain, Fishman (1972, hlm. 248) menyatakan bahawa:

'Domains are defined in terms of institutional contexts or socio-ecological co-occurrences. They attempt to designate the major clusters of interaction situations that occur in particular multilingual settings. Domains enable us to understand that language choice and topic...are...related to widespread socio-cultural norms and expectations.'

Pernyataan ini menunjukkan bahawa topik, hubungan peserta dan tempat, berserta pilihan bahasa yang khusus merupakan antara elemen utama pembentukan domain.

Pengumpulan data dimulakan dengan penerangan konsep eufemisme, iaitu menjelaskan konsep serta penggunaan bahasa halus bagi sesuatu keadaan atau tujuan penggunaan. Bagi mengukuhkan penjelasan, contoh bahasa halus serta perbandingannya dengan bahasa kasar atau bahasa biasa yang bersifat neutral (jika ada), diberikan. Misalnya, untuk tujuan pengurusan jenazah, eufemisme 'dikebumikan' dan bentuk bahasa kasar 'ditanam' diberikan kepada informan. Langkah ini bertujuan memberi pemahaman mengenai bentuk bahasa yang diselidiki, seterusnya mencungkil data MMS yang diperlukan.

Menerusi pendekatan ini, eufemisme yang digunakan oleh penutur Melayu Sarawak telah dapat dikenal pasti seperti 'dikebumikan' dan 'disemadikan', dan bentuk bahasa yang bersifat biasa atau neutral seperti 'dikubor' (dikuburkan) dan 'ngubor' (menguburkan) turut ditemui. Asosiasi data dengan konteks penggunaannya pula mempertemukan perkaitan kata-kata tersebut dengan bentuk bahasa kasar atau tabu yang turut digunakan, iaitu 'mati',

‘mampus’ dan ‘kojol’. Kaedah ini didapati dapat membantu pengumpulan data yang lebih bervariasi. Temu bual ini dirakam menggunakan alat perakam audio.

Kaedah catatan data di kedudukan asal atau *in situ* turut diaplikasikan dalam kajian ini untuk memudahkan rujukan terhadap data yang diperoleh itu dibuat. Langkah ini dapat membantu menilai dan menentukan kekurangan dari mana-mana segi yang wujud. Dalam keadaan ini, informan telah dapat ditemu bual dengan lebih lanjut mengenai sesuatu eufemisme yang diujarkan sekiranya terdapat kekaburan makna atau terdapat unsur ketaksaan dalam konteks penggunaannya. Gabungan tiga kaedah temu bual, rakaman dan catatan ini dapat memastikan bahawa data eufemisme yang diperoleh dapat direkod dengan baik dan lebih sistematik.

Kawasan kajian yang terlibat ialah Kampung Buntal dan Kampung Panglima Seman Hulu, Kuching, Sarawak. Kedua-dua kampung dipilih kerana majoriti penduduknya adalah Melayu dan menuturkan dialek Melayu daerah Kuching. Dialek Melayu daerah Kuching merupakan dialek yang digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat dan dianggap dapat mewakili dialek Melayu Sarawak (Asmah, 2001). Oleh yang demikian, pemilihan kawasan ini diharap dapat mengumpulkan data eufemisme MMS untuk kajian ini.

Empat informan, iaitu dua penutur lelaki dan dua penutur perempuan dari setiap kampung terlibat dalam proses pemerolehan data. Pemilihan mereka sebagai informan kajian dibuat berdasarkan faktor bahawa, sebagai penutur jati dialek Melayu Sarawak, mereka dapat mewakili bentuk pertuturan atau bahasa masyarakat di kawasan tersebut. Pemilihan informan melibatkan kedua-dua jantina dibuat untuk mendapatkan data yang seimbang antara data daripada informan lelaki dan informan perempuan. Hal ini demikian kerana, dalam penelitian aspek eufemisme, berkemungkinan wujud perbezaan antara bahasa yang dituturkan oleh penutur lelaki dengan perempuan dalam topik kematian yang diselidiki ini. Kesemua informan kajian ini berusia 40 tahun ke atas. Informan dalam lingkungan umur 40 tahun ke atas dipilih kerana mereka boleh dianggap sebagai seseorang yang telah matang dengan bahasa dan budaya mereka. Hal ini sesuai dengan pernyataan bahawa “... pada peringkat usia 40-an hingga 60-an, informan dapat membekalkan data dengan baik, lantaran mereka merupakan orang yang sudah dididik dan menjadi dewasa dalam bahasa berkenaan” (Asmah, 2001, hlm. 48).

Penggunaan eufemisme berkaitan topik kematian dalam MMS didapati bertujuan memperkatakan tentang hal kematian itu sendiri, yakni mengenai kematian seseorang. Tujuan penggunaan eufemisme juga melibatkan hal-hal pengurusan jenazah, khususnya pengebumian. Kajian ini secara khusus meneliti enam eufemisme yang digunakan untuk memperkatakan tentang hal kematian dalam MMS. Eufemisme yang dimaksudkan ialah ‘pegi’ (pergi), ‘ninggal’ (meninggal), ‘meninggal dunia’, ‘pulang’, ‘pulang ke rahmatullah’, dan ‘kembali ke rahmatullah’.

Kajian ini memanfaatkan teori semantik kognitif, iaitu teori yang menitikberatkan pengkajian mengenai struktur konsepsi dan proses pengkonsepsian yang berlaku dalam minda manusia. Dalam hal ini, bahasa dijadikan alat untuk menyelidiki organisasi konsepsi yang dimaksudkan. Berdasarkan Lakoff (1987), pegangan yang penting dalam bidang semantik kognitif ialah *meaning is embodied*. Makna dinyatakan sangat akrab hubungannya dengan aspek penjasadan manusia, yakni berteraskan pengalaman-pengalaman individu penutur berasaskan latar dan alam sekelilingnya. Beberapa mekanisme kognitif digunakan bagi menghurai pengkonsepsian eufemisme kematian dalam MMS, misalnya skema imej dan metafora konsepsi.

Skema imej sebagai satu konsep yang distruktur adalah berdasarkan pengalaman dan orientasi tubuh badan atau aspek badaniah, yakni melibatkan penjasadan atau *embodiment*. Pada asasnya konsep skema imej dipelopori oleh Brugman (1981) menerusi kajiannya yang melibatkan perkataan *over* (Lakoff 1987). Skema imej dapat membantu pemahaman bagi

penerangan makna kata yang bersifat abstrak. Salehuddin (2009) pula menyatakan bahawa skema imej memberi penekanan yang lebih kepada imej-imej yang diperoleh oleh seseorang menerusi pengalamannya. Imej-imej yang diperoleh ini ‘disimpan’ dalam sistem kognisi manusia dalam bentuk yang tersusun dan sistematik agar imej-imej ini kelak boleh ‘dicapai’, juga secara sistematik, dalam proses pemahaman dan penjelasan konsep-konsep yang baru. Dalam membincangkan skema imej, istilah *Trajektor* (TR) dan *Landmark* (LM) turut digunakan. Istilah-istilah ini merupakan konsep asas nahu kognitif yang diterokai oleh Langacker (2008). Lakoff (1987) menerangkan istilah ini bagi menjelaskan kerencaman makna perkataan *over*, seperti yang telah dikaji oleh Brugman (1981).

Dari sisi semantik kognitif, metafora bukan hanya ungkapan bahasa, tetapi merujuk kepada mekanisme kognitif yang membolehkan seseorang memahami satu domain konsepsi berdasarkan satu domain konsepsi yang lain (Lakoff, 1987). Domain konsepsi ini merupakan satu susunan atau struktur pengalaman yang koheren, yakni saling berhubung kait, dan terdiri daripada domain sumber (*source domain*) dan domain sasaran (*target domain*). Berdasarkan Lakoff dan Johnson (1980), terdapat tiga jenis metafora konsepsi asas, iaitu metafora orientasi (*orientational metaphors*), metafora ontologi (*ontological metaphors*) dan metafora struktural (*structural metaphors*). Dalam konteks ini, metafora orientasi merujuk kepada perluasan makna/konsep orientasi seperti DALAM-LUAR, ATAS-BAWAH dan HADAPAN-BELAKANG kepada domain bukan ruang. Metafora ontologi merujuk kepada pengkonsepsian benda abstrak (misalnya emosi, idea dan fenomena persekitaran) menjadikannya seperti benda (biasanya entiti, benda konkrit atau tempat), contohnya ‘kesihatannya semakin merosot’; ‘kesihatan’ dilihat sebagai objek yang menggelongsor. Metafora struktural pula mengambil item-item yang banyak berstruktur dalam pengalaman hidup kita sebagai sumber domain untuk kita memahami sesuatu konsep yang lain (Rusmadi, 2005).

KONSEP MATI

Mati merupakan antara topik yang sangat sensitif dalam mana-mana budaya. Fenomena ini sememangnya bersifat sejagat kerana ditempuhi oleh semua benda hidup termasuklah yang bergelar manusia. Mati juga merupakan satu peristiwa yang tidak dapat dikawal dan kejadiannya juga tidak dapat diduga. Bagi umat Islam, kematian bermakna hilangnya peluang untuk seseorang itu membuat kebajikan bagi meraih pahala. Selain itu, penjelasan daripada kitab-kitab dan kuliah agama berkaitan hal kematian menggambarkan fenomena ini sebagai suatu pengalaman yang menggerunkan. Pengalaman yang dimaksudkan merujuk kepada keadaan manusia yang akan menempuhi saat-saat sakaratul maut, iaitu peristiwa sakitnya kematian. Hal ini bertepatan dengan sabda nabi Muhammad s.a.w.; “Sakitnya sakaratul maut itu kira-kira tiga ratus sakitnya libasan pedang”, hadis riwayat Ibnu Abi Dunya (Uzair, 2011, hlm. 44).

Kematian merupakan satu fenomena sejagat. Pengalaman penceritaan berkaitan sesuatu kematian dipengaruhi oleh budaya dan masa peristiwa kematian tersebut berlaku (Berendt, 2012). Hal ini demikian kerana dalam konteks masyarakat dunia yang mengamalkan agama, kepercayaan dan adat resam yang pelbagai serta berbeza-beza, peristiwa kematian dihadapi dan ditangani dengan cara tersendiri, sesuai dengan keadaan semasa serta tuntutan agama dan komuniti masing-masing. Perbezaan yang dimaksudkan bukan hanya melibatkan cara sesuatu peristiwa kematian tersebut ditangani, malah merangkumi ungkapan-ungkapan yang digunakan untuk mengungkapkan aspek kematian serta perkara yang bersangkutan dengannya.

Dari sudut bahasa, kematian yang disebut sebagai *al-maut* dalam bahasa Arab adalah lawan bagi ‘hidup’, manakala pada pandangan syarak, *mati* bermaksud perpisahan roh daripada jasad. Dalam Kamus *Muhith* pula, mati dinyatakan sebagai “sesuatu yang tidak

mempunyai roh” (Mohd Asri, 2005, hlm. 2-3). Persoalan mati juga berulang kali disebut dalam Al-Quran menerusi pelbagai surah, seperti dalam surah Al-Ankabut ayat 57 yang bermaksud: “Tiap-tiap bernyawa akan merasakan mati, kemudian hanyalah kepada Kami kamu dikembalikan”. Kekuasaan Allah dalam menentukan kehidupan dan kematian manusia pula disebut dalam surah Al-Rum ayat 27, iaitu “Dan Dialah yang menciptakan (manusia) dari permulaan, kemudian mengembalikan (menghidupkannya kembali), dan menghidupkannya kembali itu mudah bagi-Nya” (*Al-Quran Al-Karim*, 2013). Merujuk ayat-ayat ini, jelas bahawa fitrah bagi setiap kehidupan manusia akan berakhir dengan kematian, iaitu perkara yang berlaku dengan izin dan kekuasaan Allah s.w.t. Penciptaan manusia di muka bumi juga mempunyai tujuan tersendiri, iaitu untuk beribadat kepada Allah dan segala perbuatan dan amalan yang dilakukan di dunia akan dihisab oleh Allah pada hari kebangkitan di akhirat nanti. Proses ini menggambarkan perjalanan kehidupan manusia dalam alam dunia dan alam akhirat yang kesemuanya telah ditentukan oleh Allah.

Selain *mati*, kata *ajal* dan *maut* juga lazim digunakan dalam kalangan masyarakat. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) mendefinisikan *ajal* sebagai batas hidup yang telah ditentukan oleh Tuhan, saat atau ketika mati, janji (akan mati), manakala *maut* merujuk kepada mati (terutama manusia). Selain itu, kata ini terdapat dalam doa iftitah yang dibaca dalam solat; *wamahyaya wamamati lillahirabbil alamin* (hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah). Dari aspek etimologi, *mati* dinyatakan sebagai kata turunan daripada bahasa Austronesia Purba, yakni **maCey* (Collins, 2009). Sungguhpun demikian, dalam kajian berbeza, kata ماتى *mati* (dengan bentuk penulisannya asalnya ialah مات [ma:ta]) dianggap sebagai kata serapan daripada bahasa Arab, seperti yang ditemui dalam Batu Bersurat Terengganu. Dalam hal ini, kata kerja masa lampau: مات *mata* mungkin dibaca dalam bahasa Melayu sebagai *mati*, meskipun tiada ي *ya* di hujungnya (Muhammad Bukhari, 2013). Perbezaan ini berkemungkinan disebabkan oleh perbezaan sistem tulisan bahasa Melayu dan bahasa Arab. Senario ini disokong oleh dapatan Salehuddin (2012, hlm. 1185) yang menyatakan bahawa perbezaan antara sistem morfologi bahasa Arab dan bahasa Melayu menyukarkan proses pembacaan dan penulisan ejaan tulisan jawi kerana perkataan bahasa Arab terhasil daripada kata dasar yang terdiri daripada konsonan sahaja, sebaliknya perkataan bahasa Melayu menunjukkan bunyi-bunyi konsonan hadir bersama-sama bunyi vokal.

Pengungkapan topik kematian dalam sesebuah masyarakat boleh mengundang pelbagai reaksi, bergantung kepada cara topik tersebut diketengahkan dan penerimaan kelompok tersebut. Dalam hal ini, seseorang penutur perlu peka dengan budaya masyarakat, iaitu perlu memahami cara untuk menyebut hal-hal berkaitan topik ini agar tidak menyinggung perasaan serta dapat diterima oleh pihak yang mendengarnya. Bagi memperkatakan hal yang menyedihkan seperti kematian, seseorang penutur sewajarnya mengujarkan perkara ini menggunakan bahasa yang sesuai. Dalam kebanyakan keadaan, *mati* tidak boleh disebut secara terbuka. Sekiranya kata ini disebut secara terbuka, ia akan menyebabkan kesedihan dan rasa tidak senang bagi orang yang mendengarnya, terutamanya ahli keluarga terdekat si mati seperti ibu bapa, suami atau isteri, dan anak-anak. Kelompok ini akan lebih terkesan dengan sesebuah peristiwa kematian kerana ia melibatkan rasa kehilangan, kesunyian, dan dalam sesetengah keadaan, tiada lagi tempat bergantung, serta pelbagai kesan perasaan lain. Bagi menangani hal ini, ungkapan eufemisme digunakan sebagai strategi berbahasa sopan bagi meredakan kesan emosi negatif yang mungkin timbul. Penggunaan eufemisme yang lebih halus dan lembut sifatnya dalam sesuatu ujaran dapat mengurangkan kesan yang dibawa oleh perkataan-perkataan yang dianggap tabu dalam satu-satu masyarakat yang boleh menyebabkan kedukaan dan ketidakselesaan kepada pengujar dan juga pendengar (Allan & Burrige, 1991).

EUFEMISME KEMATIAN MASYARAKAT MELAYU SARAWAK

Daripada temu bual bersama informan, didapati bahawa penggunaan eufemisme bagi domain kematian amat mendasar dalam budaya MMS lantaran topik ini merupakan suatu topik yang sangat sensitif. Hal ini demikian kerana ungkapan-ungkapan yang dianggap kasar dan berpotensi menyinggung perasaan akan dielakkan. Selain itu, penggunaan bahasa halus dalam mengungkapkan kematian pada dasarnya merupakan suatu strategi berbahasa dalam kalangan penutur agar perasaan-perasaan kurang senang berkaitannya seperti ketakutan, ketegangan, kesedihan dan seumpamanya akibat kehilangan seseorang insan yang disayangi dapat diminimumkan. Dalam keadaan ini, penutur secara tidak langsung dapat menzahirkan rasa simpati menerusi ungkapan yang lebih mudah diterima oleh mereka yang baru kehilangan (kematian) ahli keluarga atau orang yang disayangi, di samping lebih halus pada pendengaran umum. Selain memberi penghormatan kepada individu yang meninggal dunia dan kaum keluarganya, penggunaan bahasa sebegini akan menunjukkan kehemahan kepada pihak yang mengujarkannya. Keadaan ini menyerlahkan kepekaan, perasaan timbang rasa dan simpati penutur terhadap pendengar, selain menjaga perasaannya, terutamanya dalam suasana yang menyedihkan.

EUFEMISME 'PEGI' DAN 'MENINGGAL DUNIA'

Eufemisme MMS bagi memperkatakan hal kematian dapat dilihat seperti dalam contoh ayat-ayat berikut:


1. *Iboh dikenang urang nak dah pegi.*
Jangan dikenang orang yang sudah pergi
(Jangan dikenang orang yang sudah pergi.)
2. *Nya dah meninggal dunia.*
Dia sudah meninggal dunia
(Dia sudah meninggal dunia.)
3. *Kenak nya ninggal?*
Kenapa dia meninggal?
(Kenapa dia meninggal?)

Menerusi ujaran eufemisme seperti *pegi* (pergi) dan *ninggal* (meninggal) dalam (1) dan (3), penutur MMS memahami bahawa bahasa yang digunakan menjurus kepada topik kematian, yakni untuk menyatakan mengenai seseorang yang telah meninggal dunia. Sungguhpun destinasi atau lokasi yang dituju untuk kata *pegi* dan *ninggal* tidak dinyatakan secara jelas, konteks atau situasi perbualan serta topik yang dibicarakan memandu pemahaman antara penutur. Menerusi temu bual yang dijalankan, contoh eufemisme dalam persoalan mengenai kematian, seperti dalam data (3), diberikan oleh informan untuk menerangkan penggunaan bahasa tersebut dalam situasi perbualan.

Skema imej *Sumber-Laluan-Matlamat* didapati dapat memanifestasikan eufemisme ini. Skema imej ini merujuk kepada pergerakan yang berlaku dalam kehidupan seseorang, iaitu setiap pergerakan akan bermula dari satu titik permulaan atau tempat, dan berakhir di satu destinasi yang tertentu. Melalui data (1) di atas, kata *pegi* (pergi) mendukung makna *berjalan menuju ke sesuatu tempat, meninggalkan sesuatu tempat atau berundur, berangkat dan bertolak* (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Kata *meninggal/ninggal* dalam (2) dan (3) pula dapat dikonsepsikan sebagai satu perbuatan yang menyebabkan pelakunya bergerak

ke arah satu matlamat, dengan meninggalkan satu dimensi sedia ada, dalam konteks ini dunia. Perkataan ini asasnya merupakan kata terbitan daripada kata kerja *tinggal*, dan dikaitkan dengan *meninggal dunia*, *mati*, *mangkat*, *wafat*, *sampai ajal*, *menemui ajal*, *kembali ke rahmatullah*, *menghembuskan nafas terakhir*, *hilang jiwa*, *hilang hayat*, *hilang nyawa*, *putus nafas*, *putus nyawa*, *putus jiwa*, *putus umur*, *padam hayat*, *padam nyawa*, *tiada*, *sudah pergi*, *maut*, *mampus*, *kojol*; serta berantonim dengan *hidup* dan *bernyawa* (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007; Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu, 2008).

Gambaran skema imej untuk menunjukkan struktur konsepsi ini dipaparkan menerusi Rajah 1. Skema ini menyatakan hubungan dan pergerakan trajektor (TR), iaitu jasad atau roh manusia dengan beberapa *landmark* (LM) atau tanda tempat.



RAJAH 1. Skema imej *Sumber-Laluan-Matlamat* eufemisme MMS “pegi”, “meninggal dunia” dan “ninggal”

Berasaskan Rajah 1, TR merujuk kepada *Entiti Sumber*, iaitu manusia, jasad atau roh yang dicipta oleh Allah s.w.t. LM1 dapat mewakili alam permulaan kehidupan manusia di dalam rahim ibunya. Dari sudut Islam, Al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan bahawa, Rasulullah bersabda; penciptaan manusia di dalam perut ibunya bermula daripada setitis mani, menjadi segumpal darah, dan kemudian menjadi seketul daging. Selepas 120 hari ditiupkan roh kepadanya oleh malaikat, dan ditulis baginya akan empat kalimah, iaitu ditentukan akan rezekinya, ajalnya, amalannya, dan sama ada ia seorang yang celaka atau seorang yang berbahagia. Perkara-perkara yang dinyatakan ini ialah “suratan takdir yang mendahuluinya”, iaitu yang berada di dalam pengetahuan Allah, atau Lauh Mahfuzh, atau ketika masih dalam perut ibunya (Hadith 4, Pusingan Penciptaan Manusia dan Kematian, dlm. *Al-Wafi: Syarah Hadith 40 Iman An-Nawawi*, hlm. 25-27).

LM1 juga mewakili alam dunia yang sarat dengan cabaran-cabaran yang perlu ditempuhi dalam kehidupan manusia, selepas manusia dilahirkan. Sebagai khalifah di muka bumi, manusia dipertanggungjawabkan untuk beribadat kepada Allah, mentadbir dan mengurus dunia mengikut hukum Islam. Cabaran dan rintangan yang wujud dalam tanggungjawab ini memberi ruang kepada manusia untuk membuat amalan baik bagi mendapatkan ganjaran pahala oleh Allah. LM2 dalam rajah ini merujuk kepada alam kubur, yakni tempat jasad dikebumikan dan merupakan tahap pertama dalam alam akhirat. Penjelasan mengenai alam kubur sebagai peringkat pertama dalam alam akhirat dapat

dikukuhkan menerusi sabda Rasulullah s.a.w. dalam hadis riwayat Tirmidzi, Ibnu Majah dan Al-Hakim, yang bermaksud “Sesungguhnya alam kubur merupakan tahap pertama menuju alam akhirat. Apabila seseorang selamat melewati tahap pertama, maka untuk tahap selanjutnya bakal lebih ringan. Namun jika tidak selamat melewati tahap pertama, maka untuk tahap selanjutnya akan lebih dahsyat” (M. Ali Chasan, 1980).

LM3 pula merupakan tahap seterusnya, iaitu sewaktu Allah membangkitkan semula seluruh umat untuk menilai setiap amalan yang telah dilakukan semasa hayat mereka di dunia. Perjalanan TR ke alam akhirat ini akan menempuhi peristiwa kematian, yang digambarkan sebagai sebuah *Laluan*, iaitu diwakili oleh garis hitam menegak yang juga berperanan membezakan dua alam, iaitu alam kehidupan dan alam kematian.

Data eufemisme seperti yang diujarkan informan umumnya merujuk kepada satu ‘perjalanan’ dengan meninggalkan kehidupan di dunia menuju ke alam kubur/akhirat setelah berlaku kematian. Sesuai dengan suasana kesedihan dan mengelak daripada melukai perasaan pendengar, penutur tidak menyatakan secara khusus destinasi perlakuan *pegi*, *meninggal dunia* dan *ninggal* tersebut walaupun kedua-dua pihak mengetahuinya. Dalam konteks harian, konsep ini membawa pengertian berbeza sekiranya tujuan atau lokasi ‘pergi’ itu dinyatakan secara khusus, seperti *Dia pergi ke sekolah*, atau jika seseorang tidak membawa sesuatu objek yang perlu mengikutinya, misalnya *Dia meninggalkan bukunya*. Sebaliknya, bagi eufemisme kematian MMS ini, penutur mengaitkan konsep perjalanan, yakni perjalanan meninggalkan dunia, dengan situasi kematian. Pengkonsepsian yang berlaku dalam minda penutur ini didorong oleh pengalaman, seperti pengalaman seseorang yang dalam perjalanan dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Skema imej yang diusulkan menggambarkan perjalanan TR (dilambangkan oleh garis anak panah). Matlamat akhir perjalanan TR adalah untuk mendapat penyudahan yang baik, iaitu untuk mendiami syurga, yakni diwakili oleh kotak bergaris hitam tebal di LM5.

Dalam konteks perbincangan ini, matlamat sebenar manusia bukanlah untuk mati, malah kematian merupakan hal yang seboleh-bolehnya ingin dihindari daripada berlaku. Umat Islam juga dilarang berputus asa terhadap kehidupan dengan membunuh diri atau berharap untuk mati. Hal ini bersesuaian dengan sabda Rasulullah s.a.w. dalam hadis riwayat Bukhari; “Janganlah salah seorang di antara kamu mengharap kematian...” (Uzair, 2011, hlm. 106). Walaupun secara realitinya manusia akan berusaha dengan pelbagai cara untuk mengelak daripada maut, namun manusia juga maklum akan hakikat bahawa setiap kehidupan akan ada pengakhirannya. Justeru, dengan keimanan terhadap hari akhirat dan bekalan amalan soleh yang dilakukan di dunia, tiada perkara yang diharapkan lagi setelah berlaku kematian, selain daripada pengakhiran yang baik bagi kehidupan di alam akhirat, yakni mengharap syurga Allah.

Pengkonsepsian eufemisme kematian MMS bukan sahaja dimanifestasi dalam skema imej *Sumber-Laluan-Matlamat* seperti yang telah dibincangkan, tetapi turut didorong oleh metafora konsepsi KEHIDUPAN ITU PERJALANAN dan KEMATIAN ITU PERLEPASAN [KEMATIAN ITU PERJALANAN] (metafora konsepsi ini disesuaikan daripada Lakoff & Turner, 1989, hlm. 9-10; LIFE IS A JOURNEY dan DEATH IS DEPARTURE [DEATH IS A JOURNEY]). Metafora konsepsi asasnya merujuk kepada mekanisme kognitif yang membolehkan seseorang penutur memahami suatu entiti abstrak menerusi entiti konkrit. Dalam mekanisme ini, berlaku pemetaan daripada satu domain konsepsi, iaitu domain sumber kepada domain sasaran. Konseptualisasi bagi eufemisme kematian MMS ini timbul daripada pemahaman bahawa, manusia ialah pengembara di dunia yang menempuhi beberapa peringkat dalam kehidupan mereka. Fasa pertama bermula dengan kejadian manusia di dalam rahim ibu, seterusnya kelahiran manusia dan menempuh alam kehidupan, kemudiannya kematian bagi menamatkan perjuangan hidup, dan akhirnya permulaan kehidupan baru di alam barzakh sebelum berpindah ke alam akhirat yang kekal. Hal ini dapat disimpulkan menerusi empat tahap

kehidupan yang menempuhi beberapa alam, iaitu; Dunia maya (alam rahim/kandungan) → Kehidupan (alam dunia) → Kematian (kubur) → Kebangkitan dan kehidupan yang kekal di dalam *jannah* syurga atau *jahannam* neraka (alam akhirat) (Uzair, 2011; Soliman 2012). Huraian ini dapat dikukuhkan lagi dengan firman Allah mengenai hakikat kejadian dan kematian manusia, seperti dalam Surah Taha ayat 55, yang bermaksud: “Dari bumi (tanah) itulah Kami menjadikan kamu dan kepadanya Kami akan mengembalikan kamu dan daripadanya Kami akan mengeluarkan kamu pada kali yang lain”.

Sebagai umat Islam, matlamat sebenar kehidupan di dunia yang bersifat sementara ini adalah untuk mengaut sebanyak mungkin pahala, iaitu ganjaran daripada Allah kerana berbuat kebaikan, sebagai bekalan untuk menuju destinasi terakhir mereka, iaitu syurga. Dalam usaha memperoleh pahala, umat Islam wajib bertakwa kepada Allah, iaitu memelihara dirinya daripada perkara-perkara yang boleh membawa kepada seksaan di akhirat kelak seperti tidak melakukan maksiat kepada Allah dan tidak meninggalkan kewajipan yang telah ditetapkan oleh Allah ke atasnya (Raja Ahmad Mukhlis, 2010, hlm. 9). Untuk mencapai matlamat syurga, peristiwa *mati* bertindak sebagai satu pintu untuk mereka memasuki alam baru yang kekal abadi, iaitu alam akhirat. Dari peristiwa kematian, bermulalah *perlepasan* (*departure*) yang berbentuk keluarnya roh daripada jasad. Fenomena ini dapat diumpamakan seperti kapal terbang yang berlepas meninggalkan landasan kapal terbang, namun perjalanan yang ditempuh ini bersifat sehalu. Laluan dalam alam ini mempunyai dua persimpangan, iaitu syurga (matlamat) untuk mereka yang berbuat amal soleh ketika hidupnya, dan neraka bagi mereka yang melakukan maksiat serta kemungkaran di dunia (walaupun tiada siapa di dunia ini yang menjadikan ‘neraka’ sebagai matlamat hidupnya). Hal ini disebut dalam suatu hadis, iaitu “Dari Jabir (bin Abdullah) R.A., katanya dia mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda; Setiap orang akan dibangkitkan kelak (hari kiamat) menurut keadaan (aqidah atau imannya) ketika mati” (<http://www.islam.gov.my/e-hadith/mati-dalam-iman>). Huraian konsep perjalanan ini dapat dikaitkan dengan metafora konsepsi DEATH IS DEPARTURE yang diutarakan oleh Lakoff dan Turner (1989, hlm. 11), iaitu kematian dikonsepsikan sebagai “*a final destination that is reached after life, whereas the departure itself is one-way, with no return*”. Penemuan data eufemisme MMS ini didapati menyamai konsep ‘mati’ bagi masyarakat Barat lantaran kematian merupakan satu fenomena sejagat.

EUFEMISME ‘PULANG KE RAHMATULLAH’ DAN ‘KEMBALI KE RAHMATULLAH’


Dalam mengungkapkan perihal kematian, penutur Melayu Sarawak turut menggunakan eufemisme *pulang ke rahmatullah*, *pulang* dan *kembali ke rahmatullah*, seperti dalam data berikut;

4. *Dah pulang ke rahmatullah dah urang tua ya.*
Sudah pulang ke rahmatullah sudah orang tua itu
(Orang tua itu sudah pulang ke rahmatullah.)
5. *Urang ya dah lamak pulang.*
Orang itu sudah lama pulang
(Orang itu sudah lama pulang.)
6. *Urang ya dah kembali ke rahmatullah.*
Orang itu sudah kembali ke rahmatullah
(Orang itu sudah kembali ke rahmatullah.)

Perkataan ‘pulang’ dan ‘kembali’ yang bersifat sinonim ini bermaksud *pergi ke tempat asal*, yakni ke tempat seseorang itu pernah berada sebelumnya (*Kamus Dewan Edisi Keempat*,

2007). Dalam konteks umum, semua orang akan melalui sesuatu perjalanan dalam kehidupan mereka, melibatkan pelbagai titik lokasi dari permulaan perjalanan sehingga sampai ke destinasi terakhir. Bagi individu yang meninggal dunia, ia sedang melalui satu perjalanan berikutnya yang bermula dengan kematian. Tetapi bagi semua orang, hidup ini adalah seperti kitaran, yang bermula dari alam ghaib (rahim) dan berakhir dengan alam ghaib (rahmat Allah). Alam rahim yang dimaksudkan ialah alam kandungan, yang melibatkan organ pada perempuan untuk mengandung anak. Dalam alam ini hanya Allah yang mempunyai kuasa dalam proses kewujudan manusia, sesuai dengan sifat Allah s.w.t., yakni “pencipta yang paling baik” (surah Al-Mukminun, ayat 14). Dari sudut pengertian bahasa Arab, ‘rahim’ bermaksud *belas kasihan* dan salah satu nama Allah yang bermakna *pengasih* dan *penyayang*. “Rahmat” pula merujuk kepada *belas kasihan, kurnia, berkat, bahagia, kelebihan, dan hikmah* (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007).

Persamaan konsep *rahim* dan *rahmat* ini menunjukkan bahawa kejadian manusia asalnya daripada ehsan dan kekuasaan Allah dan manusia yang berbuat amal soleh dalam kehidupannya akan kembali kepada Allah setelah kematiannya dengan mengharapkan rahmat dan belas kasihan daripada Allah. Maka, wujud konsep kitaran yang digambarkan dalam pengkonsepsian eufemisme *pulang ke rahmatullah* dan *kembali ke rahmatullah*, iaitu setiap manusia yang wujud daripada penciptaan Allah akan kembali kepada Allah setelah mati. Rajah 2 berikut merupakan gambaran pengkonsepsian eufemisme MMS yang dimaksudkan. Skema ini menggambarkan hubungan dan pergerakan trajektor (TR) yang melalui fasa kehidupan dan peristiwa kematian seperti yang telah dijelaskan.



RAJAH 2. Skema imej *Sumber-Laluan-Matlamat* eufemisme “*pulang ke rahmatullah*”, “*pulang*” dan “*kembali ke rahmatullah*”

Skema imej dalam Rajah 2 memperlihatkan pengkonsepsian eufemisme yang berbeza dengan eufemisme *pergi* seperti yang diusulkan dalam Rajah 1. Menerusi skema imej *pergi* (*pergi*), pengkonsepsian eufemisme kematian MMS dilihat bersifat sehalu, iaitu TR keluar dari alam dunia dan menuju alam kubur atau akhirat. Namun, bagi eufemisme *kembali ke rahmatullah* dan *pulang ke rahmatullah*, pengkonsepsiannya cenderung kepada satu imej kitaran, iaitu pergerakan permulaan dan pengakhiran TR melibatkan pusat *Sumber* dan *Matlamat* yang sama, iaitu LM1. Berdasarkan pegangan bidang semantik kognitif yang mengambil pengalaman manusia sebagai asas dalam pentaakulan makna dan pengkonsepsian ujaran, eufemisme kematian dalam MMS didapati dapat dijelaskan pengkonsepsiannya berdasarkan cara hidup dan pengalaman seharian penutur. Merujuk hal ini, pengkonsepsian eufemisme kematian yang dibincangkan ini didapati berkait rapat dengan kepercayaan agama MMS, iaitu setiap manusia dicipta oleh Allah dan akan kembali kepada-Nya setelah mati. Hal ini

juga dijelaskan menerusi Surah Al-Maidah ayat 105, yang bermaksud: "... hanya kepada Allah tempat kamu semua kembali, maka Dia akan menerangkan kepadamu apa yang sudah kamu kerjakan." Justeru, skema imej bagi eufemisme *pulang ke rahmatullah*, *pulang dan kembali ke rahmatullah* seperti dalam Rajah 2 menggambarkan kewujudan *Sumber*, yakni pencipta manusia yang Maha Agung, yang menguasai alam ghaib (LM1).

Dalam alam ghaib ini terkandung alam-alam yang hanya diketahui oleh Allah seperti alam rahim, alam kubur dan alam akhirat. Berdasarkan skema imej ini, *Laluan* digambarkan sebagai arah perjalanan TR (manusia, jasad atau roh) yang diwakili oleh garis anak panah yang menunjukkan permulaan pergerakan TR dari *Sumber* di LM1 ke LM2 dan kembali ke LM1. Pergerakan ini mempunyai *Matlamat* dan harapan yang ingin dicapai pada pengakhiran perjalanan (kematian) sebagai seorang Muslim, iaitu untuk mendapat keredhaan dan rahmat Allah, dengan kembali ke pangkuan Maha Pencipta dan menghuni syurga.

Eufemisme *pulang ke rahmatulla'* dan *kembali ke rahmatulla'* ini bukan sahaja dimanifestasi menerusi skema imej, tetapi turut didorong oleh metafora konsepsi KEMATIAN ITU LOKASI YANG LEBIH BAIK (metafora konsepsi ini disesuaikan daripada Mohamed Mazen 2014, hlm. 159, DEATH IS A BETTER LOCATION). Konsep 'lokasi yang lebih baik' bagi 'kematian' yang dinyatakan ini juga didapati bersesuaian dengan firman Allah menerusi Surah Al-An'am ayat 32, yang bermaksud: "Dan tiadalah kehidupan di dunia ini, selain dari main-main dan senda gurau belaka. Dan sungguh kampung akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Maka tidakkah kamu memahaminya?". Menerusi eufemisme *pulang ke rahmatullah* dan *kembali ke rahmatullah*, penutur mendoakan kesejahteraan si mati agar mendapat rahmat daripada Allah, iaitu dengan membayangkan si mati akan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang mendapat rahmat (belas kasihan, kurnia, berkat, bahagia, kelebihan dan hikmah; *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007). Pengujaran ini turut menunjukkan penghormatan penutur terhadap individu yang telah meninggal dunia tersebut, iaitu dengan bersangka baik bahawa beliau telah beramal soleh semasa hayatnya, lantas layak mendapat rahmat Allah, iaitu dengan ditempatkan di 'kampung akhirat' (syurga), seperti yang dinyatakan dalam Surah Al-An'am tersebut.

Oleh hal yang demikian, metafora KEMATIAN ITU LOKASI YANG LEBIH BAIK didapati memetakan konsepsi penutur, iaitu LOKASI YANG LEBIH BAIK itu adalah rahmat Allah. Dalam hal ini, LOKASI YANG LEBIH BAIK itu merupakan domain sumber untuk kematian. Maka melalui metafora konsepsi, ciri lokasi yang lebih baik berupaya menerangkan konsep kematian. Dalam hubung kait antara domain sumber dengan domain sasaran, "*The source domain is therefore used to understand, structure and, in some cases, mitigate the target domain*" (Fernandez 2006, hlm. 107). Maka, dalam pengkonsepsian metafora ini, didapati bahawa domain sumber digunakan oleh penutur untuk memahami serta menstrukturkan bentuk bahasa eufemisme kematian, lalu mengurangkan kesan bahasa (emosi) yang dianggap kasar atau tabu (domain sasaran). Dalam hal ini, penutur yang peka dengan situasi yang dilaluinya akan memilih untuk menggunakan bahasa yang dianggap bersesuaian dengan konteks pendengar. Huraian ini menunjukkan bahawa pengkonsepsian dalam minda penutur telah memenuhi fungsi penggunaan eufemisme, iaitu untuk menyatakan hal kematian dengan bahasa yang lembut, halus dan tidak berterus terang agar tidak melukai perasaan pendengar.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, analisis eufemisme kematian dari sudut semantik kognitif melibatkan MMS telah memperlihatkan proses-proses kognitif yang mendasari penggunaan bahasa ini. Pengkonsepsian eufemisme MMS bagi tujuan memperkatakan tentang kematian didapati didasari oleh skema imej *Sumber-Laluan-Matlamat*, di samping beberapa metafora konsepsi

seperti KEMATIAN ITU LOKASI YANG LEBIH BAIK, KEHIDUPAN ITU PERJALANAN dan KEMATIAN ITU PERLEPASAN [KEMATIAN ITU PERJALANAN]. Pengkonsepsian eufemisme masyarakat ini dapat dihubungkan dengan faktor budaya berbahasa masyarakat Melayu yang mementingkan kesantunan dan kehalusan dalam berkomunikasi. Eufemisme yang digunakan oleh informan lelaki dan informan perempuan untuk mengungkapkan tentang kematian seseorang juga tidak menunjukkan perbezaan. Selain itu, agama Islam didapati memainkan peranan penting dalam pengujaran dan pengkonsepsian eufemisme kematian yang dibincangkan. Hal ini dapat dilihat menerusi pengkonsepsian eufemisme dalam MMS yang selari dengan konsep kematian, seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran dan hadis. Hal ini didorong oleh keyakinan penutur terhadap hakikat kematian dan kebangkitan manusia pada hari akhirat. Selain itu, kepercayaan dan keyakinan tentang adanya kehidupan selepas alam dunia (alam selepas mati) didapati berhubung kait dengan akidah umat Islam dalam rukun iman yang kelima, iaitu beriman kepada hari akhirat (Abdullah Akhili et al., 2006).

Penelitian terhadap kajian eufemisme dari aspek semantik kognitif jelas memperlihatkan perhatian yang khusus diberikan oleh pengkaji luar negara. Penghuraian eufemisme dalam pelbagai bidang turut menunjukkan bahawa eufemisme merupakan satu aspek yang wajar dikaji. Penerokaan topik ini bukan sahaja berupaya menyerlahkan sifat eufemisme dan topik tabu yang dinyatakan sebagai universal atau sejagat, malah turut memperjelas aspek penggunaan bahasa ini dalam lingkungan budaya masyarakat penuturnya. Sejalan dengan fenomena bahasa ini, kajian eufemisme MMS bukan sahaja dapat memperjelaskan sisi kognitif penutur masyarakat ini, malah memberi ruang kepada para pengkaji serta pencinta bahasa dan ahli komuniti kajian untuk memahami pemikiran masyarakat Melayu Sarawak yang dibentuk oleh pengalaman dan mengujarkan bahasa berdasarkan pengamatan serta nilai rasa mereka tersendiri.

Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pengayaan kosa ilmu mengenai eufemisme masyarakat Melayu, khususnya Melayu Sarawak. Penerokaan eufemisme dari perspektif semantik kognitif turut memberi ruang kepada perkembangan pengkajian linguistik melibatkan bahasa-bahasa peribumi di Sarawak dan sebagai landasan untuk pengkajian lanjut dalam domain-domain yang lain.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua informan terlibat dalam kajian ini, iaitu En. Rezli bin Libar, En. Zaidi bin Mojer, Pn. Sulbiah bt. Bolhi, dan Pn. Jamayah bt. Rosli dari Kampung Buntal, Kuching; dan En. Abdul Malek bin Hj. Buang, En. Jaeman bin Haron, Pn. Maimunah bt. Bujang, dan Pn. Siti Jayah bt. Bujang dari Kampung Panglima Seman Hulu, Kuching. Temu bual telah dijalankan pada 4 dan 11 September 2014.

RUJUKAN

- Abang Yusuf Puteh. (2005). *A Profile of Sarawak Malays*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdullah Akhili Abdul Latif, Farahdina Abd. Manaf, Huzaimah Ismail, Norsiah Sulaiman & Salleh Hj. Daud. (2006). *Asas-asas Islam: Ad-Din, Akidah & Syariat*. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd.
- Al-Quran Al-Karim (Al Haramain 7 Dalam 1)*. (2013). Teteng Sopian, Yayan Suryana, Makbul, Mumung Maulana Al-Ghifari & Abdul Rahman Abdullah (pnys.). Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Al-Wafi: Syarah Hadith 40 Iman An-Nawawi*. (2015). Musthafa Al-Bugha & Muhyiddin Misto (pnys.). Batu Caves: Al-Hidayah Publications.

- Allan, K. & Burridge, K. (1991). *Euphemism & Dysphemism Language Used as Shiled and Weapon*. Oxford: Oxford University Press.
- Asmah Hj. Omar. (2001). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berendt, E.A. (2012). The Conceptual Instruments Used in Contemporary Religious Discourse of Death and Dying: The Case of Japanese and English. Dlm. Berendt, E.A. (ed.). *Facing Finality: Cognitive and Cultural Studies on Death and Dying* (hlm. 67-78). (Atas talian) Muat turun pada 27 Januari 2014 dari http://commcourses.com/iic/wp-content/uploads/2011/10/PDF-COVER-ART_Facing-Finality-updated-2012.pdf
- Collins, James T. (2009). *Bahasa Sanskerta dan Bahasa Melayu*. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- Fernandez, C.E. (2006). The Language of Death: Euphemism and Conceptual Metaphorization in Victorian Obituaries. *SKY Journal of Linguistics*. 19, 101-130. (Atas talian) Muat turun pada 10 Januari 2013 dari http://s3.amazonaws.com/academia.edu.documents/30905316/SKY_JOL_19_2006.pdf?AWSAccessKeyId=AKIAJ56TQJRTWSMTNPEA&Expires=1389331509&Signature=63s7gigaWny63GFEhTfirW6nbjM%3D&response-content-disposition=inline
- Kamus Bahasa Indonesia Online*. (Atas talian) Muat turun pada 18 Ogos 2015 dari <http://kamusbahasaindonesia.org>
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lakoff, G. (1987). *Woman Fire and Dangerous Things: What Categories Reveal about the Mind*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Lakoff, G. (1992). *The Contemporary Theory of Metaphor*. (Atas talian) Muat turun pada 9 Disember 2013 dari <http://terpconnect.umd.edu/~israel/lakoff-ConTheorMetaphor.pdf>
- Lakoff, G. & Johnson, M. (1980). *Metaphors We Live By*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lakoff, G. & Turner, M. (1989). *More Than Cool Reason: A Field Guide to Poetic Metaphor*. Chicago and London: The University of Chicago Press.
- Langacker, Ronald W. (2008). *Cognitive Grammar: A Basic Introduction*. New York: Oxford University Press.
- M. Ali Chasan Umar. (1980). *Alam Kubur (Alam Barzakh): Digali Dari Al-Quran dan Hadis*. Singapura: C. V. Toha Putra.
- Maimunah Daud. (1999). *Glimpses of Malay Life in Sarawak*. Kuching: Yayasan Budaya Melayu Sarawak.
- Mati Dalam Iman*. (Atas talian) Muat turun pada 15 Januari 2015 dari <http://www.islam.gov.my/node/24640>
- Mohamed Mazen Galal. (2014). Death Euphemism in English and Arabic: A Conceptual Metaphorization Approach. *International Journal of Linguistics*. 6(1), 153-170. (Atas talian) Muat turun pada 17 April 2014 dari www.microthink.org/ijl
- Mohammed Azlan Mis. (2010). Lingua Franca di Sarawak: Aplikasi Teori Pilihan Bahasa. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 10(2), 97-116.
- Mohd Asri Mat Daud. (2005). Hakikat Kematian dan Mati Otak Mengikut Kacamata Islam. *Kertas kerja Online Program Thaqafah Online* (hlm. 1-23). (Atas talian) Muat turun pada 21 Januari 2015 dari <http://tibbians.tripod.com/ilham2.pdf>
- Muhammad Bukhari Lubis. (2013). Ulasan Dari Aspek Kebahasaan dan Kandungan Batu Bersurat Terengganu. Dlm. Seri Lanang Jaya Johari & Dahlia Janan (pnys.). *Sang Budiman: Sebuah Festschrift Bagi Menghormati Khidmat Profesor Emeritus Abdullah*

- Hassan di Fakulti Bahasa. Universiti Perguruan Sultan Idris Sedasawarsa, 2001-2011 (hlm. 141-146). Selangor: PTS Akademia.
- Nyakoe, D.G, Matu, P.M & Ongarora, D.O. (2012). Conceptualization of 'Death is a Journey' and 'Death as Rest' in EkeGusii Euphemism. *Theory and Practice in Language Studies*. 2(7), 1452-1457. (Atas talian) Muat turun pada 11 Januari 2014 dari <http://ojs.academypublisher.com/index.php/tpls/article/viewFile/tpls020714521457/50>
- Rabab'ah, G. & Al-Qarni, A.M. (2012). Euphemism in Saudi Arabic and British English. *Journal of Pragmatics*. 44, 730-743. (Atas talian) Muat turun pada 11 Januari 2014 dari <http://www.sciencedirect.com.www.ezplib.ukm.my/science/article/pii/S0378216612000616>
- Raja Ahmad Mukhlis Raja Jamaludin. (2010). *Al-Quran Berbicara Tentang Takwa*. Bandar Baru Bangi: Pelima Media Sdn. Bhd.
- Rusmadi Hj. Baharudin. (2005). Pemerian Polisemi "datang": Satu Analisis Linguistik Kognitif. *Jurnal Bahasa*. 5(4), 23-39.
- Saeed, J. I. (1997). *Semantics*. Oxford: Blackwell Publications.
- Saidatul Nornis Haji Mahali. (2007). *Unsur Bahasa dalam Budaya*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Salehuddin, Khazriyati. (2009). Metafora Melayu dalam Mendidik Anak: Analisis Semantik Kognitif. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah & Idris Aman (pnyt.). *Linguistik Teori dan Aplikasi* (hlm. 136-151). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salehuddin, Khazriyati. (2012). Penilaian Ke atas Kerumitan Kognitif dalam Proses Membaca Jawi. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(4), 1179-1192.
- Siläski, N. (2011). *Metaphors and Euphemisms – The Case of DEATH in English and Serbian*. (Atas talian) Muat turun pada 14 Disember 2013 dari https://www.academia.edu/5240801/Silaski_N._2011._METAPHORS_AND_EUPHEMISMS_-_THE_CASE_OF_DEATH_IN_ENGLISH_AND_SERBIAN._Filoloski_pregled_38_2_101-114
- Soliman, Alaaeldin, E. (2012). The End of death: the conceptual metaphor patterns of death in Arabic. Dlm. Berendt, E. A. (pnyt.). *Facing Finality: Cognitive and Cultural Studies On Death and Dying* (hlm. 130-147). (Atas talian) Muat turun pada 27 Januari 2014 dari PDF-COVER-ART_Facing-Finality-updated-2012.pdf
- Teo, Kok Seong. (1995). Tahu Bahasa/Tak tahu Bahasa: Persoalan Bahasa, Budaya dan Komunikasi. Dlm. Hanapi Dollah & Lokman Mohd. Zen (pnyt.). *Kebudayaan Melayu Baru di Ambang Abad Baru: Satu Himpunan Makalah* (hlm. 274-287). Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu*. (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tsang, S.C. (2009). Metaphor, Culture and Conceptual Systems: A Case Study of Sex Metaphors in a Hong Kong Chinese Newspaper. *LCOM Papers*. 2, 1-16. (Atas talian) Muat turun pada 20 Disember 2013 dari http://www.english.hku.hk/LCOM%20paper/LCOM%20papers%20new,%20rev/2009%20vol2/1_Sandy_Tsang.pdf
- Uzair Abdul Aziz. (2011). *Mati Itu Pasti*. Rawang: Pustaka Ilmuan.

PENULIS

Hamidah Abdul Wahab ialah pelajar program linguistik peringkat Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah bahasa dan linguistik Melayu.

Dato' Imran Ho Abdullah (Ph.D) ialah Profesor di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, dan juga Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat) UKM. Bidang pengkhususan beliau ialah Semantik Kognitif. Beliau banyak menjalankan penyelidikan tentang semantik, khususnya semantik kognitif serta kajian metafora, budaya dan kognisi.

Mohammed Azlan Mis (Ph.D) ialah seorang pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, UKM. Bidang pengkhususan dan kepakaran beliau ialah Sosiolinguistik dan Dialektologi. Dalam bidang penyelidikan, kajian-kajian yang sedang dilakukan berkenaan dengan pemilihan bahasa di sempadan, doktor-pesakit dan juga dalam sektor pelancongan.

Khazriyati Salehuddin (Ph.D) ialah Professor Madya di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, UKM. Beliau mengetuai beberapa penyelidikan dalam bidang Bahasa dan Kognisi (Psikolinguistik) menggunakan pelbagai metodologi. Dr. Khazriyati telah menerbitkan beberapa artikel dalam jurnal, sebuah monograf, beberapa buah bab dalam buku, termasuk sebuah yang diterbitkan oleh Cambridge University Press.